



**HAMZAH Zainudin (kiri) memegang salah satu produk yang menyertai Pameran Coklat Malaysia sambil diperhatikan Abi Musa Asaari Mohamed Nor (tengah) dan Dr. Azhar Ismail (kanan) di Pusat Pameran Mid Valley, Kuala Lumpur, kelmarin.**

## Malaysia pengeluar koko utama dunia pada 2020

**KUALA LUMPUR 9 Jan.** – Kerajaan merancang membuka 45,000 hektar ladang koko di seluruh negara menjelang 2020 bagi menjadikan Malaysia negara pengeluar dan pengeksport utama makanan berasaskan koko di dunia.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Hamzah Zainudin berkata, setakat ini negara telah mempunyai ladang koko seluas 25,000 hektar.

“Kita berhasrat untuk menjadi pengeksport dan pengeluar utama dunia komoditi ini pada 2020.

“Setakat ini kita merupakan pengeksport utama koko ke Amerika Syarikat (AS) dan negara-negara Eropah,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Pameran Coklat Malaysia di Pusat Pameran MidValley di sini semalam.

Hadir sama Pengerusi Lembaga Ko-

ko Malaysia (LKM), Tan Sri Abi Musa Asaari Mohamed Nor dan Ketua Pengarah LKM, Datuk Dr. Azhar Ismail.

Menurutnya, koko Malaysia adalah berkualiti tinggi dan mendapat permintaan tinggi dari negara luar.

Beliau memberitahu, kerajaan menawarkan insentif berjumlah RM6,500 sehektar kepada pekebun kecil koko menerusi Program Pemulihan Tanaman Koko (PPTK) di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan RMK-10.

Jelasnya, insentif selama lima tahun itu diberikan secara berperingkat di bawah seliaan LKM.

“Kerajaan menyediakan insentif ini bagi pekebun kecil yang mahu menanam koko.

“Insentif tersebut merangkumi pemberian benih koko berkualiti, kerjasama membangunkan tanah, baja dan khidmat nasihat penjagaan kepada pekebun,” katanya.